

Saya bukan nak jadi ketua selama: Aishah

IPOH, Selasa — Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani petang ini membuat pengakuan terbuka bahawa beliau bukanlah seorang pemimpin yang lamak haloba untuk terus menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO selama-lamanya.

Beliau secara terus-terang berkata, beliau tidak akan menarik diri dari bertanding merebut semula jawatan tersebut di perhimpunan agung pergerakan tersebut di Kuala Lumpur September ini, sekiranya dicalonkan oleh bahagian-bahagian.

Menteri berkenaan membuat penjelasan ini sebagai mengulas spekulasi beberapa tokoh

wanita lain termasuk Peguam Marina Yusof akan menentang beliau kali ini.

"Andainya khidmat saya masih diperlukan, saya tetap bertekad membanting tulang, seluruh tenaga dan jiwa raga saya, untuk Wanita Umno," tegasnya di sambut dengan tepukan semangat oleh para tetamu yang hadir di majlis jamuan ringan anjuran Pergerakan Wanita Umno Perak di sini.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh sebagai tetamu kehormat, isterinya Datin Seri Hajah Mariah binti Mahmud, Timbalan Ketua Wanita Umno, Datin Paduka Hafidah Asia dan Ketua Wanita Umno Perak, Toh Hijayawati Oon Zariah binti Abu Bakar adalah

di antara mereka yang hadir.

Datin Paduka Aishah rasakan beliau masih mampu mengetahui pergerakan tersebut sambil menjelaskan tujuannya ingin merebut semula jawatan yang di sandangnya sejak beberapa tahun dulu.

Katanya, terdapat juga spekulasi beliau akan meletakkan jawatan dan secongah-secongahnya pula terlantainya. "sama ada saya akan hanya memegang satu penggal saja lagi atau menjadi ketua selama 10 tahun lagi atau selama-lamanya."

Sekalipun Wanita Umno Bahagian telah mencalonkan Puan Marina, tetapi Ipoh, Menglembu dan Parti mencalonkan semula nama Datin Paduka Aishah merebut jawatan ter-

sebut.

Datin Paduka Aishah yang memwaskan bekas Menteri Kebajikan Am, Tan Sri Fatimah Haslina dalam perebutan jawatan itu sedikit masa dulu selanjutnya memantapkan: